

SULIT
3757/2
Ekonomi
Asas
Kertas 2
September
2008
2 jam



JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2008

EKONOMI ASAS

Kertas 2

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab **tiga** soalan daripada **Bahagian A** dan **satu** soalan di **Bahagian B.***
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Penggunaan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan adalah dibenarkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak

3757/2 © 2008 Hak Cipta JPNJ


[Lihat sebelah
SULIT

Bahagian A

[75 markah]

Jawab tiga soalan sahaja.

1. (a) Gambar 1 menunjukkan ucapan oleh seorang pemimpin.



Gambar 1

Terangkan bagaimana unit ekonomi di atas mengatasi masalah kekurangan, pilihan dan kos lepas.

[6 markah]

- (b) Terangkan bagaimana Sistem Ekonomi Campuran menyelesaikan masalah asas ekonomi berikut:

- (i) Apa barang dan perkhidmatan yang hendak dikeluarkan. [2 markah]
 (ii) Bagaimana barang dan perkhidmatan hendak dikeluarkan. [2 markah]
 (iii) Untuk siapa barang dan perkhidmatan hendak dikeluarkan. [2 markah]

- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan satu ciri sistem ekonomi negara X.

- Pengagihan kekayaan secara adil melalui bayaran zakat.
- Persaingan yang sihat digalakkan supaya tiada pembaziran faktor pengeluaran.

- (i) Apakah sistem ekonomi negara X? [1 markah]
 (ii) Huraikan **dua** ciri lain sistem ekonomi tersebut. [6 markah]

- (d) Gambar 2 dan gambar 3 menunjukkan dua jenis barang.



Gambar 2



Gambar 3

Jelaskan perbezaan kedua-dua jenis barang di atas.

[6 markah]

- 2 (a) Terangkan **tiga** jenis pendapatan individu.

[5 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan pemilihan suatu pekerjaan.

Jawatan : Juruwang	Jawatan : Kerani kewangan
Sektor : Swasta	Sektor : Kerajaan
Gaji : RM 1 100	Gaji : RM 800
Jarak dari rumah : 100 km	Jarak dari rumah : 20 km

Mengapa Cik Salina memilih pekerjaan sebagai kerani kewangan.

[7 markah]

- (c) Jadual 1 menunjukkan hubungan jumlah keluaran, keluaran purata dan keluaran sut.

Buruh (unit)	Jumlah Keluaran (Unit)	Keluaran Purata (Unit)	Keluaran Sut (Unit)
0	0	0	-
2		10	10
4	110	27.5	45
6	230		
10		43	50
13	542		
17	542		
19	532		

Jadual 1


- (i) Lengkapkan jadual tersebut.

[5 markah]

- (ii) Terangkan hubungan antara jumlah keluaran, keluaran purata dan keluaran sut.

[8 markah]



- 3 (a) Rajah 1 menunjukkan keluk penawaran Firma Syuhada yang mengeluarkan kerusi rotan.



Huraikan **empat** faktor yang menyebabkan peralihan keluk tersebut [8 markah]


- (b) *Gunakan kertas graf yang disediakan untuk menjawab ceraiian soalan ini.*

Rajah 2 menunjukkan keluk penawaran Firma P dan rajah 3 menunjukkan keluk penawaran Firma Q.



- (i) Dengan menggunakan skala 2cm: 2 unit pada paksi-kuantiti dan skala 2 cm: RM10 pada paksi-harga, lukiskan keluk penawaran pasaran. [5 markah]
- (ii) Jelaskan pembentukan keluk penawaran pasaran yang anda lukis di (b) (i). [6 markah]

(c) Rajah 4 menunjukkan keluk keseimbangan pasaran buruh.



Rajah 4

Terangkan keadaan pasaran buruh di:

(i) **A**

[3 markah]

(ii) **B**

[3 markah]

4. (a) Bagaimanakah bank pusat bertindak sebagai jurubank kepada bank perdagangan?

[3 markah]


(b) Maklumat berikut berkaitan dengan fungsi bank perdagangan.

Pelanggan sebuah bank perdagangan boleh bertindak mengarahkan pihak bank untuk membuat pembayaran wang kepada pihak tertentu.


Jelaskan **empat** cara bank melaksanakan arahan tersebut.

[8 markah]

- (c) Gambar 4 dan gambar 5 menunjukkan sumber hasil yang diperoleh oleh kerajaan.



Gambar 4 – Kereta tempatan




Gambar 5 – Kereta Import

Terangkan sumber hasil kerajaan berdasarkan:

(i) gambar 4 [4 markah]

(ii) gambar 5 [4 markah]

- (d) Gambar 6 dan gambar 7 menunjukkan sektor ekonomi di Malaysia



Gambar 6



Gambar 7

(i) Namakan sektor ekonomi tersebut. [1 markah]

(ii) Terangkan masalah yang akan dihadapi jika terlalu bergantung kepada sektor tersebut. [5 markah]

5. (a) Maklumat berikut adalah berkaitan dengan Encik Abdullah.

- Seorang pekerja Syarikat Jaya yang mengeluarkan pakaian sukan jenama ABIDOS.
- Mendapat gaji sebanyak RM900 sebulan dan membelanjakan RM150 untuk pakaian sukan jenama ABIDOS.

Lukiskan rajah aliran pusingan ekonomi dua sektor.

[8 markah]

(b) Petikan berikut adalah berkaitan dengan Firma M.

Firma M mengeluarkan sarung tangan getah telah memasarkan keluarannya ke seluruh negeri dalam Malaysia dan mengeksport hasil keluarannya ke Amerika Syarikat. Dalam masa yang sama, Firma M terpaksa menghadapi masalah perbezaan dalam perdagangan antarabangsa seperti perbezaan mata wang.

Terangkan perbezaan-perbezaan lain selain daripada yang dinyatakan di atas.

[10 markah]

(c) Jadual 2 menunjukkan maklumat imbalan pembayaran sebuah negara dalam tempoh setahun.

Butiran	RM (juta)
Ekspor barangan nampak	193 227
Import barangan nampak	182 872
Pengangkutan	1 490
Perjalanan	4 766
Pendapatan pelaburan	- 6 078
Pindahan bersih	- 2 936
Pelancongan	- 110

Jadual 2

Hitungkan:

- (i) Akaun Dagangan [2 markah]
- (ii) Akaun Perkhidmatan [2 markah]
- (iii) Akaun Semasa [3 markah]

BAHAGIAN B
[25 markah]
Soalan ini wajib dijawab.

- 6 Encik Razi berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Sains Malaysia. Beliau masih bujang dan tinggal di Johor Bahru bersama ibu bapanya. Oleh kerana kesukaran mencari pekerjaan, beliau bekerja sementara sebagai pembantu kedai berhampiran rumahnya. Untuk menampung perbelanjaan hariannya, beliau menggunakan baki simpanan biasiswa semasa menuntut di universiti dahulu. Kesukaran mendapat kerja berlaku kerana pada masa tersebut, keluaran negara menurun secara berterusan dan kadar pengangguran pula meningkat untuk satu jangka masa yang panjang.

Selepas lapan bulan, Encik Razi mendapat tawaran pekerjaan sebagai Eksekutif Pemasaran di syarikat membuat telefon bimbit di Batu Pahat, Johor dengan gaji permulaan RM2 000 sebulan. Disebabkan tawaran gaji yang agak lumayan, beliau telah menerima tawaran tersebut.

Sebagai seorang pekerja, Encik Razi perlu membuat potongan wajib dari pendapatannya iaitu caruman KWSP sebanyak 10%, PERKESO sebanyak RM108 dan membayar cukai pendapatan pada tahun tersebut. Pembayaran cukai pendapatan berdasarkan jadual berikut.

Pendapatan boleh cukai (RM)	Kadar cukai (%)	Bayaran cukai (RM)
2500 yang pertama	0	0
2500 yang berikut	1	25
5000		25
5000 yang berikut	3	150
10000		175
10000 yang berikut	5	500

Lebih pendapatan yang beliau terima pada setiap bulan telah disimpan untuk tujuan membeli barang tahan lama iaitu rumah bagi persediaan beliau untuk masa akan datang.

Berdasarkan situasi di atas jawab soalan-soalan berikut :

- (a) Jelaskan sumber pendapatan lain selain yang dinyatakan berdasarkan petikan di atas. [4 markah]
- (b) Berdasarkan situasi keluaran negara menurun secara berterusan dan kadar pengangguran pula meningkat untuk satu jangka masa yang panjang, huraikan cara-cara yang dijalankan oleh Bank Pusat dan Dasar Belanjawan Negara menyelesaikan masalah tersebut. [10 markah]
- (c) Kirakan jumlah cukai pendapatan yang perlu dibayar oleh Encik Razi pada tahun tersebut. [5 markah]
- (d) Huraikan jenis-jenis pelaburan lain selain yang dinyatakan di atas. [6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT